

SPM SEJARAH KERTAS 2

SOALAN-SOALAN SPM BERPOTENSI (TINGKATAN 4)

dari MRSM 2012 - 2016

TINGKATAN 4 SEJARAH

TINGKATAN 4 -- BAB 1 Kemunculan Tamadun Awal Manusia

SOALAN 1- MRSM 2012

Tamadun China telah memberikan sumbangan yang penting terhadap peradaban dunia sehingga hari ini.

a. Huraikan sumbangan tamadun China dalam bidang pertanian.

[6 markah]

- | | |
|-----|--|
| F1 | Pengenalan tenggala (Zaman Dinasti Han) |
| F2 | Untuk membuat batas tanaman |
| F3 | Pengenalan kolar kuda |
| F4 | Untuk membolehkan kuda menarik tenggala kayu |
| F5 | Pengenalan kereta kuda |
| F6 | Pengenalan kereta sorong beroda |
| F7 | Pengenalan penyisir tanah |
| F8 | Pengenalan sistem tanaman bergilir |
| F9 | Untuk menjaga kesuburan tanah semasa dinasti Tang, Song, Yuan, Ming dan Chin |
| F10 | Sistem pengairan |
| F11 | Pembinaan terusan dilaksanakan |
| F12 | Untuk memperoleh sumber air |
| F13 | Kawalan terhadap banjir juga telah diambil berat |

b. Berikan cadangan anda untuk meningkatkan sektor pertanian di negara kita.

[6 markah]

- | | |
|-----|---|
| F1 | Meningkatkan ilmu pengetahuan dalam bidang pertanian |
| F2 | Memperkenalkan kaedah baru dalam bidang pertanian |
| F3 | Membudayakan aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) |
| F4 | Sentiasa inovatif dan kreatif |
| F5 | Mengamalkan sikap proaktif dalam menjana idea baru |
| F6 | Mencipta/ memperkenalkan/ menggunakan teknologi baru |
| F7 | Memperkenalkan kaedah penanaman baru |
| F8 | Memperluas pasaran pertanian |
| F9 | Sokongan kerajaan |
| F10 | Menubuhkan agensi/ institusi berkaitan dengan pertanian |
| F11 | Mempromosikan/ menggalakkan/ kempen kepentingan sector pertanian/ pertanian adalah perniagaan |

SOALAN 2 MRSM 2016

Jadual 1 menunjukkan perkembangan Tamadun China.

Tamadun Awal	Peningkatan Tamadun
Tamadun Hwang Ho (2205 – 256SM)	Tamadun China (221SM – 1911M)

(a) Namakan dinasti yang terdapat dalam tamadun berikut:

(i) Tamadun Hwang Ho

_____ [1 markah]

(ii) Tamadun China

_____ [1 markah]

(b) Jelaskan sumbangan kedua-dua tamadun tersebut dalam bidang pertanian.

_____ [2 markah]

(c) Apakah cabaran yang dihadapi oleh Malaysia untuk menjadi sebuah negara maju dalam industri pertanian?

_____ [3 markah]

(d) Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani telah memperkenalkan slogan ‘Pertanian adalah Perniagaan’. Apakah usaha anda bagi merealisasikan slogan tersebut?

_____ [3 markah]


(a)	(i)	Tamadun Hwang Ho F1 Dinasti Hsia F2 Dinasti Shang F3 Dinasti Chou
	(ii)	Tamadun China F1 Dinasti Chin/Shih Huang Ti F4 Dinasti Yuan F2 Dinasti Han F5 Dinasti Ming F3 Dinasti Song F6 Dinasti Chin

(b)	<p>F1 Pembinaan sistem pengairan/terusan F2 Teknologi pembajakan F3 Cangkul/sabit F4 Penggunaan batas untuk penanaman F4 Alat kayu diganti dengan peratatan besi F5 Tenggal diperkenalkan untuk membuat batas F6 Kolar kuda untuk menarik tenggal kayu F7 Kereta kuda/kereta sorong beroda F8 Penyisir tanah F9 Sistem tanaman bergilir diperkenalkan F10 Teres dibina untuk pertanian di kawasan bukit</p>
(c)	<p>Cabaran : (Persaingan dengan negara luar) Huraian/penjelasan : (Lebih maju dalam bidang pertanian) Contoh : (Thailand/China)</p> <p>Cadangan jawapan lain: - Kekurangan modal - Kekurangan pekerja manhir - Kekurangan tanah pertanian</p>
(d)	<p>Usaha : (Mengusahakan pertanian secara besar-besaran) Huraian/penjelasan: (Meneroka tanah baru untuk dijadikan kawasan pertanian) Contoh : (Kolam ikan air tawar/ladang tebu/penternakan kambing)</p> <p>Cadangan jawapan lain: - Penggunaan teknologi moden - Membangunkan tanah terbiar - Memantapkan strategi pemasaran - Menambah ilmu dalam bidang pertanian</p>

TINGKATAN 4 -- BAB 2 PENINGKATAN TAMADUN MANUSIA

SOALAN 1 MRSM 2014

Gambar berikut menunjukkan kehebatan Tamadun Rom dalam bidang seni bina.



(c) (i) Berdasarkan pemerhatian anda, bagaimanakah negara kita mampu menghasilkan seni bina bertaraf dunia?

[6 markah]

- H1 Memperkasakan kursus senibina di peringkat pengajian tinggi
- H2 Mengadakan kursus berkembar dengan universiti bertaraf dunia berkaitan senibina
- H3 Menggalakkan rakyat terlibat dalam bidang rekaan senibina/penguasaan ilmu yang berterusan
- H4 Memperbanyakkan kursus/sekolah teknik/vokasional/berkaitan dengan senibina di peringkat sekolah
- H5 Menggalakkan penyertaan ke pertandingan senibina peringkat global
- H6 Memberikan bantuan/pinjaman/grant pembelajaran melanjutkan pengajian dalam bidang senibina

SOALAN 2 MRSM 2016

Sistem demokrasi yang diperkenalkan di Athens lebih kurang 3 000 tahun dahulu telah diamalkan oleh hampir kebanyakan negara pada hari ini.

(a) Terangkan ciri-ciri sistem pemerintahan demokrasi di Athens.

[4 markah]

- F1 Terdapat Dewan Perhimpunan
- F2 Dan Majlis
- F3 Berbentuk penyertaan langsung
- F4 Warganegara lelaki terlibat dalam membentuk kerajaan
- F5 Melalui undian
- F6 Berpeluang Dewan Perhimpunan

- F7 Antara enam bulan hingga setahun
- F8 Dewan Perhimpunan bersidang sebanyak tiga kali dalam sebulan
- F9 Setiap ahli dewan ini boleh mengemukakan cadangan tentang dasar kerajaan
- F10 Segala keputusan Dewan dikendalikan oleh Majlis
- F11 Ahli-ahli Majlis, Majistret dan Juri dilantik oleh Dewan
- F12 Dewan mempunyai kuasa penuh terhadap ketiga-tiganya
- F13 Tidak berlaku di negara kota yang mengamalkan sistem beraja berkuasa mutlak

(b)(i) Jelaskan sistem demokrasi yang diamalkan di Malaysia.

[6 markah]

- F1 Mengamalkan sistem demokrasi berparlimen
- F2 Sistem pemerintahan raja berperlembagaan
- F3 Rakyat melibatkan diri dalam sistem pemerintahan negara
- F4 Raja-raja Melayu menjadi lambang taat setia rakyat
- F5 Pemerintah dibantu oleh Perdana Menteri pada peringkat kerajaan Persekutuan
- F6 Pada peringkat negeri, pemerintah dibantu oleh Ketua Menteri atau Menteri Besar
- F7 Rakyat memilih pemimpin melalui pilihan raya sekali dalam lima tahun
- F8 Kedaulatan di tangan rakyat
- F9 Rakyat berhak menyokong, mengekalkan atau menukarkan kerajaan yang sedia ada melalui pilihan raya
- F10 Terdapat parlimen yang terdiri daripada Dewan Negara dan Dewan Rakyat
- F11 Wakil yang dipilih menganggotai Dewan Rakyat
- F12 Perlembagaan Malaysia melindungi hak asasi rakyat
- F13 Mengekalkan kerajaan yang adil, sejahtera
- F14 Sebagai garis panduan sistem pemerintahan demokrasi
- F15 Pindaan boleh dibuat bersesuaian dengan politik semasa
- F16 Demokrasi di Malaysia berbentuk penyertaan tidak langsung

(ii) Ciri-ciri kepimpinan yang unggul penting dalam pentadbiran sesebuah negara. Berikan penjelasan anda.

[6 markah]

Contoh:

- Pemimpin yang amanah
- akan mewujudkan negara yang aman dan harmoni
- mampu mengukuhkan perpaduan antara rakyat
- dapat mengelakkan huru-hara
- seperti Peristiwa 13 Mei 1969
- Sebarang masalah mampu ditangani dengan bijak kedaulatan negara dapat dikekalkan
- menjadikan negara maju mengikut acuan sendiri

TINGKATAN 4 – BAB 3 TAMADUN AWAL ASIA TENGGARA

SOALAN 1 MRSM 2012

Pengaruh Hindu dan Buddha telah bertapak di Asia Tenggara sejak abad ketiga Masihi.

(a) Berikan dua cara kedatangan pengaruh Hindu dan Buddha ke Asia Tenggara.

- i. _____
ii. _____

[2 markah]

- F1 Dibawa oleh Ksyatria/ tentera/ penakluk
- F2 Dibawa oleh pedagang/vaisya
- F3 Dibawa oleh golongan Brahmin/ pendeta
- F4 Melalui pengambilan aspek-aspek kebudayaan India yang menarik
- F5 disesuaikan dengan budaya tempatan

(b) Nyatakan dua pengaruh agama Hindu dan Buddha dalam sistem pemerintahan kerajaan awal di Asia Tenggara.

- i. _____
ii. _____

[2 markah]

- F1 Sistem beraja
- F2 Gelaran raja
- F3 Raja berada di puncak pemerintahan
- F4 Di bawahnya terdapat kerabat diraja
- F5 Diikuti dengan pembesar, termasuk ahli agama, iaitu Brahmin
- F6 Rakyat daripada pelbagai golongan
- F7 Paling bawah ialah hamba
- F8 Raja berkuasa mutlak
- F9 Perintah raja menjadi undang-undang yang wajib dilaksanakan
- F10 Sesiapa yang melanggar perintah raja dianggap menderhaka dan diampunkan
- F11 Raja dikehendaki adil terhadap golongan yang diperintah
- F12 Rakyat takut untuk menderhaka kepada raja walaupun raja tidak adil
- F13 Raja dianggap sebagai bayangan tuhan/ konsep dewa-raja
- F14 Raja dipercayai mempunyai kesaktian
- F15 Lahir unsur mitos dan legenda tentang asal usul raja
- F16 Pelbagai adat istiadat diwujudkan bagi mengukuhkan kedudukan raja
- F17 Setiap raja bercita-cita menjadi raja terulung dan berkuasa terhadap seluruh alam semesta/ orde kosmos

(c) Mengapakah masyarakat awal Asia Tenggara membina candi?

- i. _____
ii. _____

[2 markah]

- F1 Merupakan monumen keagamaan Hindu dan Buddha
- F2 Sebagai rumah ibadat
- F3 Tempat menyimpan abu jenazah raja dan keluarganya
- F4 Menjadi lambang kepada keagungan seseorang pemerintah
- F5 Melambangkan kehebatan seni binanya
- F6 Melambangkan orde kosmos (Angkor Wat/Candi Borobudur)

(d) Apakah kepentingan bahasa Sanskrit kepada masyarakat Hindu dan Buddha?

i. _____

ii. _____

[2 markah]

- F1 Sebagai bahasa ilmu/ intelek/ sarjana
- F2 Digunakan sebagai doa/ mantera/ ciri
- F3 Ditulis pada batu bersurat
- F4 Digunakan dalam penulisan/ kesusasteraan /kitab
- F5 Sebagai bahasa komunikasi
- F6 Digunakan dalam seni ukir
- F7 Menjelaskan keturunan raja
- F8 Menyampaikan arahan dan amaran raja
- F9 Berkaitan dengan ajaran agama Buddha/ bahasa keagamaan
- F10 Mempengaruhi bahasa Melayu dan bahasa lain di Asia Tenggara

(e) Sebagai rakyat Malaysia, mengapakah kita perlu memulihara bangunan bersejarah negara?

i. _____

ii. _____

[2 markah]

- F1 Lambang identiti negara
- F2 Menunjukkan kekayaan warisan negara
- F3 Menjadi kebanggaan rakyat
- F4 Menarik ramai pelancong/ meningkatkan ekonomi negara
- F5 Menanam perasaan menghargai warisan bangsa dan negara
- F6 Melambangkan ketamadunan negara
- F7 Melambangkan kehebatan seni bina
- F8 Menceritakan sejarah negara

SOALAN 2 MRSM 2015

Kerajaan awal di Asia Tenggara terbahagi kepada dua bentuk, iaitu agraria dan maritim.

(a) Jelaskan maksud kerajaan berikut;

(ii) Kerajaan maritim

[2 markah]

- F1 Kegiatan ekonomi berasaskan perdagangan
- F2 Aktiviti kelautan
- F3 Berfungsi sebagai pelabuhan
- F4 Terletak berhampiran dengan kawasan persisiran pantai/ lembah pantai/ lembah sungai/ kepulauan

(c) Pada pendapat anda, apakah langkah yang perlu diambil oleh kerajaan untuk memajukan bidang maritim di negara kita?

[2 markah]

- H1 Memperkasa institusi pelaut/ Akedemi Laut Malaysia (ALAM)
- H2 Penambahbaikan kemudahan di pelabuhan
- H3 Menyediakan kemudahan baik pulih kapal
- H4 Menyediakan pusat kemahiran/ latihan
- H5 Menyediakan kursus perkapalan/ pengurusan maritime
- H6 Memajukan sektor perikanan laut dalam
- H7 Menjalankan penyelidikan dan pembangunan
- H8 Menyediakan kemudahan modal/ pinjaman
- H9 Melakukan inovasi dalam bidang maritime
- H10 Pertukaran kepakaran/ ilmu dengan negara maju
- H11 Penganjuran acara pameran maritime/ LIMA/ Monsoon Cup
- H12 Penggunaan teknologi terkini dalam bidang maritim
- H13 Memajukan sektor pelancongan maritim
- H14 Mengaplikasikan ilmu kaji bintang/ falak/ astronomi

(d) Apakah nilai yang boleh diteladani daripada kegemilangan masyarakat agraria dan maritim?

[2 markah]

- F1 Cekal/ tabah menghadapi cabaran hidup
- F2 Tidak berputus asa dalam mencari sumber rezeki
- F3 Bijaksana dalam merancang/ menyusun strategi

- F4 Berfikiran positif dalam merancang/ menyusun strategi
- F5 Berdaya saing untuk memajukan negara/ kerajaan
- F6 Semangat jati diri yang tinggi untuk mempertahankan negara
- F7 Berani meneroka bidang baharu
- F8 Berinovasi/ kreatif dalam rekaan teknologi terkini

TINGKATAN 4 -- BAB 5 KERAJAAN ISLAM DI MADINAH

SOALAN 1 **MRSM 2012**

Piagam Madinah merupakan sebuah perlembagaan bertulis yang telah dirangka oleh Nabi Muhammad s.a.w. pada tahun 622 M.

- (b) Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, bagaimanakah Piagam Madinah berjaya mewujudkan keharmonian dalam kalangan masyarakat berbilang kaum ketika itu?

[8 markah]

F1 Model kerajaan Islam yang unggul

- H1a Sebagai panduan bagi menjalankan pemerintahan berasaskan Islam
- H1b Diterima pakai oleh semua golongan masyarakat
- H1c Sebuah piagam yang lengkap
- H1d Merangkumi peraturan yang berkaitan dengan dunia dan akhirat

F2 Ekonomi

- H2a Amalan riba/ penipuan/ rasuah dan penindasan tidak dibenarkan
- H2b Mementingkan keadilan dan ketelusan dalam perniagaan
- H2c Kesannya ialah ekonomi Madinah meningkat
- H2d Orang Ansar memberi bantuan kepada orang Muhajirin secara ikhlas

F3 Sosial

- H3a Berjaya membentuk masyarakat baru berasaskan ummah
- H3b Masyarakat yang hidup bersatu padu dan aman
- H3c Menggalakkan sifat bertimbang rasa dan bersedekah
- H3d Menanam semangat persaudaraan Islam/ukhwah
- H3e Menekankan persamaan hak
- H3f Tiada perbezaan taraf di kalangan masyarakat

F4 Undang-undang

- H4a Semua rakyat menikmati undang-undang yang lengkap, sempurna dan adil
- H4b Berjaya menyusun kehidupan masyarakat yang sistematik
- H4c Setiap kaum terikat dengan undang-undang yang digariskan
- H4d Orang Yahudi tidak boleh menindas kaum Arab lain
- H4e Kesemua bangsa/kaum ada hak
- H4f Mereka juga harus mematuhi peraturan dan cara hidup yang menjadi panduan

masyarakat

H4g Semua mereka bertanggungjawab mempertahankan keselamatan negara Madinah daripada serangan luar

(c) Pada pendapat anda, apakah nilai-nilai hidup masyarakat Madinah yang boleh dicontohi oleh masyarakat Malaysia bagi mewujudkan masyarakat yang bersatu padu?

[4 markah]

- F1 Bersatu padu
- F2 Tolong-menolong
- F3 Mematuhi perlembagaan
- F4 Rela berkorban
- F5 Hidup bersaudara
- F6 Menolak amalan riba
- F7 Mempertahankan keselamatan
- F8 Saling menghormati
- F9 Kebebasan beragama
- F10 Mentaati pemimpin

SOALAN 2 MRSM 2015

Kelahiran Nabi Muhammad S.A.W telah membawa kesejahteraan kepada kehidupan manusia sejagat.

(a) Nyatakan dua sifat terpuji Nabi Muhammad S.A.W.

[2 markah]

- F1 Siddiq/ berkata benar
- F2 Amanah/ dipercayai
- F3 Tabligh/ menyampaikan
- F4 Fatanah/ bijaksana

(b) Nabi Muhammad S.A.W merupakan seorang tokoh pemimpin yang unggul. Buktikan.

[3 markah]

- F1 Menjadi tokoh pendamai dalam isu perletakan semula Hajarul Aswad ke tempat asal dalam kalangan kabilah Quraisy
- F2 Ketua keluarga yang pengasih/ bertimbang rasa dengan membantu isteri memasak/ menampal pakaian koyak/ melayan anak/ membersihkan rumah
- F3 Tokoh pendidik dengan menekankan pendidikan agama/ akhlak kepada anak-anak

- F4 Menjadi teladan kepada masyarakat kerana mengamalkan cara hidup yang sederhana
- F5 Sentiasa merendah diri walaupun baginda merupakan ketua masyarakat yang dihormati/ dipandang tinggi
- F6 Bersifat penyayang terhadap orang tua/ kanak-kanak
- F7 Bersifat pemaaf dengan memberi pengampunan kepada tawanan perang
- F8 Seorang tokoh perniagaan yang berjaya/ jujur/ amanah
- F9 Digelar al-Amin kerana perkataan dan perbuatan baginda sentiasa dipercayai dan tidak pernah berbohong
- F10 Pengasas kepada pembentukan kerajaan Islam yang pertama di dunia
- F11 Menggubal undang-undang Islam bertulis yang pertama

(c) Apakah iktibar yang diperolehi daripada perjuangan dakwah Nabi Muhammad S.A.W.?

[3 markah]

- F1 Sabar/ tabah dala perjuangan
- F2 Berani mengharungi cabaran
- F3 Bersedia mengambil risiko
- F4 Berfikiran positif dalam menghadapi ujian
- F5 Bijak menyusun strategi dakwah Islamiah
- F6 Sedia berkorban untuk mempertahankan agama/ negara
- F7 Bersungguh-sungguh dalam melaksanakan tugas
- F8 Menegakkan kebenaran dalam menyebarkan dakwah
- F9 Amanah dalam melaksanakan tanggungjawab
- F10 Adil dalam membuat keputusan
- F11 Boleh menyesuaikan diri dalam semua keadaan
- F12 Gigih dalam perjuangan

(d) Surah Al-Alaq ayat 1-5 marnpu membentuk budaya mencintai ilmu dalam kalangan masyarakat Malaysia. Berikan penjelasan anda.

[2 markah]

- F1 Kepentingan menuntut ilmu dalam semua bidang
- F2 Ilmu menjadi titik tolak dalam pembinaan tamadun bangsa
- F3 Bangsa yang berjaya adalah bangsa mencintai ilmu
- F4 Menggalakkan kajian dan penyelidikan (R&D) terhadap sesuatu perkara
- F5 Peranan masyarakat dalam menyebarkan ilmu
- F6 Melahirkan golongan berilmu/ intelektual/ sarjana/ doktor falsafah
- F7 Melahirkan masyarakat minda kelas pertama

- F8 Berdaya saing dalam meneroka ilmu
- F9 Melahirkan modal insane yang cemerlang secara holistik
- F10 Menjadi orang berilmu sebagai pakar rujuk

SOALAN 3 MRSM 2015

Peristiwa Hijrah pada tahun 622 Masihi telah membawa kepada pembentukan kerajaan Islam Madinah.

(a) Bagaimanakah konsep hijrah boleh diamalkan dalam kehidupan seorang pelajar?

[6 markah]

- F1 Perubahan sikap dari tingkah laku negatif kepada positif
- F2 Perubahan dari tidak berdisiplin kepada berdisiplin
- F3 Perubahan dari sikap malas kepada rajin
- F4 Sikap suka melanggar undang-undang kepada akur kepada undang-undang
- F5 Sikap mementingkan diri sendiri kepada sikap bantu-membantu
- F6 Sikap suka bertangguh berubah kepada menghargai masa
- F7 Berani melakukan perubahan ke arah kebaikan

(b) Piagam Madinah merupakan perlembagaan bertulis yang digubal oleh Nabi Muhammad S.A.W pada tahun 622 Masihi.

(i) Jelaskan kepentingan piagam tersebut kepada masyarakat Madinah?

[6 markah]

- F1 Asas pembentukan kerajaan
- F2 Menjadi panduan menjalankan pemerintahan berasaskan Islam
- F3 Perlembagaan yang dapat diterima pakai oleh semua masyarakat
- F4 Merangkumi peraturan berkaitan dengan dunia dan akhirat
- F5 Sistem pemerintahan yang meletakkan Allah sebagai kuasa tertinggi
- F6 Unsur-unsur Islam dapat dipraktikkan dalam negara berbilang kaum
- F7 Membentuk masyarakat baharu berasaskan ummah/bersatu padu/aman
- F8 Semangat ukhuwah Islamiah disemai sebagai nilai hidup
- F9 Islam melarang riba/penipuan/rasuah/penindasan
- F10 Ekonomi Islam dapat dipraktikkan kerana mementingkan keadilan dan ketelusan
- F11 Ekonomi Islam di Madinah meningkat
- F12 Sifat bertimbang rasa dan bersedekah digalakkan
- F13 Masalah ekonomi orang Muhajirin dapat diatasi
- F14 Dapat menyusun kehidupan masyarakat yang sistematik
- F15 Setiap kaum terikat dengan undang-undang
- F16 Semua bangsa mempunyai hak yang sama
- F17 Semua bangsa harus mematuhi peraturan yang ditetapkan
- F18 Semua penduduk bertanggungjawab mempertahankan keselamatan Madinah

- F19 Konsep persamaan taraf diamalkan
- F20 Konsep keadilan sosial dapat dipraktikkan
- F21 Amalan dan sifat positif seperti perpadun bekerjasama/rela berkorban dipupuk

(ii) Piagam Madinah boleh dijadikan panduan kepada pemimpin negara kita untuk menyatupadukan penduduk pelbagai kaum. Berikan pendapat anda.

[6 markah]

- H1 Mengenalpastikan perbezaan bangsa dan agama
- H2 Mengelakkan perbalahan sesama sendiri
- H3 Mewujudkan kerjasama antara pemimpin dalam membangunkan negara
- H4 Mewujudkan kerjasama pemimpin dengan rakyat
- H5 Mematuhi undang-undang
- H6 Mementingkan musyawarah dalam membuat keputusan
- H7 Menjamin keamanan yang berterusan
- H8 Mengamalkan sikap bertolak ansur
- H9 Menghormati adat/agama/budaya orang lain
- H10 Menjamin kecekapan dalam bidang pentadbiran
- H11 Memelihara hak setiap individu berdasarkan perlembagaan
- H12 Menjamin kedaulatan negara
- H13 Menegakkan keadilan dalam kepimpinan

TINGKATAN 4 -- BAB 6 Pembentukan kerajaan islam dan sumbangannya

SOALAN 1 **MRSM 2016**

Pembentukan kerajaan Bani Abbasiyah bermula selepas kejatuhan kerajaan Bani Umayyah pada tahun 750 Masihi.

(a) Namakan khalifah kerajaan Bani Abbasiyah.

[1
markah]

- F1 Abu Abbas al-Saffah
- F2 Abu Jaafar al-Mansur
- F3 Harun ar-Rashid
- F4 Abdullah al-Makmun
- F5 Umar Abdul Aziz

(b) Nyatakan sumbangan kerajaan Bani Abbasiyah dalam bidang keilmuan.

[3 markah]

- F1 Kota Baghdad sebagai pusat intelektual
- F2 Penulisan karya asing dalam bahasa Arab
- F3 Penterjemahan karya falsafah dan sains daripada bahasa Yunani/Sanskrit/Suria dalam bahasa Arab
- F4 Kegiatan penulisan/ mencatat idea mengumpul idea serupa/ menyusun hadis/ mengarang
- F5 Penubuhan Baitul Hikmah/institusi keilmuan
- F6 Penulisan dalam bidang fiqah/tafsir/sejarah
- F7 Membuat pembaharuan/penambahbaikan dalam penterjemahan karya
- F8 Memelihara kebudayaan dunia/warisan ilmu daripada lenyap
- F9 Menubuhkan pusat pengajian tinggi untuk meningkatkan kegiatan penyelidikan
- F10 Mempengaruhi perkembangan keilmuan di Eropah/Zaman Renaissance

(c) Apakah pengajaran yang diperoleh daripada kegemilangan bidang keilmuan kerajaan Bani Abbasiyah?

[3 markah]

Pengajaran : (Melahirkan lebih ramai penterjemah)
Huraian/penjelasan: (Dapat menterjemah hasil karya/kajian asing ke dalam bahasa Melayu)
Contoh : (Bidang ilmu sains dan teknologi/perubatan)

Cadangan pengajaran lain:

- Memperbanyakkan institusi pengajian tinggi
- Melakukan kajian dan penyelidikan (R&D)
- Menerapkan konsep pembelajaran sepanjang hayat
- Mengadakan pertukaran pelajar/program berkembar

(d) Mampukah Malaysia menjadi hab pendidikan dunia?
Berikan pendapat anda.

[3 markah]

Pendirian : (Ya/mampu/setuju/boleh)
Pendapat : (Prasarana bertaraf dunia)
Huraian penjelasan : (Malaysia mempunyai kepelbagaian kemudahan pendidikan)
Contoh : (Bilik kuliah, kemudahan internet)

Cadangan jawapan lain:

- Kestabilan dan keamanan negara
- Kemudahan yang bersesuaian
- Galakan daripada kerajaan
- Universiti yang bertaraf antarabangsa

ATAU

Pendirian : (Tidak/tidak mampu/tidak setuju/tidak boleh)

Pendapat : (Kekurangan tenaga pakar)

Huraian/penjelasan : (Tenaga pengajar kurang kemahiran dan pengetahuan bidang kritikal)

Contoh : (Nano teknologi, perubatan dan nuklear)

Cadangan jawapan lain:

- Ekonomi yang tidak stabil
- Sistem kurikulum yang tidak menepati piawaian antarabangsa
- Teknologi pendidikan yang tidak mencapai taraf antarabangsa

**TINGKATAN 4 -- BAB 8 PEMBAHARUAN & PENGARUH ISLAM DI MALAYSIA
SEBELUM KEDATANGA BARAT**

SOALAN 1 MRSM 2012

Kedatangan agama Islam telah mempengaruhi sistem politik, ekonomi dan sosial masyarakat di Asia Tenggara.

(a) Senaraikan dua institusi pendidikan formal selepas kedatangan Islam.

- _____
- _____

[2 markah]

- F1 Istana
- F2 Pondok/ dayah/ pesantren
- F3 Surau
- F4 Masjid
- F5 Madrasah
- F6 Rumah tok guru/ ulama

(b) Nyatakan pengaruh agama Islam dalam budaya dan cara hidup masyarakat.

- _____
- _____
- _____

[3 markah]

- F1 Cara berpakaian iaitu bertudung/ bersongkok

- F2 Menjadikan Islam sebagai '*ad-din*' /cara hidup yang lengkap dan menyeluruh
 - F3 Mengubah sistem sosial masyarakat perbezaan taraf kepada konsep persaudaraan
 - F4 Persamaan taraf sesama manusia
 - F5 Nilai-nilai akhlak Islam dijadikan panduan dalam kehidupan seharian
 - F6 Sifat tolong-menolong
 - F7 Hormat-menghormati
 - F8 Bekerjasama
 - F9 Amalan gotoag-royong/muafakat
 - F10 Amalan bersatu padu masyarakat kampung dipupuk dan diperkukuhkan
- (c) Nyatakan pengaruh seni khat, seni ukir dan seni bina Islam dalam kalangan masyarakat di Asia Tenggara.
- i. _____
 - ii. _____

[2 markah]

Seni khat

- F1 Terdapat seni khat pada batu nisan dan ukiran kayu
- F2 Seni khat dicantumkan dengan unsur tumbuh-tumbuhan pada ukiran kayu
- F3 Terdapat tulisan abjad Arab dan jawi yang mengandungi ayat al-Quran dan hukum pada batu nisan
- F4 Menjadikan hiasan dan batu nisan lebih menarik
- F5 Batu nisan Malik Ibrahim yang dibawa dari Gujerat mempunyai bentuk seperti kapal terbalik/ pengaruh Parsi
- F6 Makam Naina Hisham al-Din juga mempunyai seni Islam dari Parsi
- F7 Terdapat tulisan syair Parsi pada batu nisan tersebut
- F8 Pada permukaannya dilukis dengan pola hiasan daun yang mempunyai persamaan dengan hiasan permaidani Parsi
- F9 Seni khat juga merakamkan ayat suci al-Quran dan hadis
- F10 Mencatatkan sejarah sesebuah pemerintahan tempatan
- F11 Seni khat juga diukir pada bilah mata keris
- F12 Ayat suci al-Quran tersebut ditatahkan dengan emas, perak dan permata
- F13 Seni khat tertua di Semenanjung, terdapat pada Batu Bersurat di Terengganu
- F14 Pada batu bersurat ini terdapat seni khat dalam bahasa Melayu yang menggunakan huruf jawi
- F15 Unsur khat boleh dilihat pada bangunan masjid, surau dan rumah kediaman Seni ukir
- F16 Ukirannya berbentuk rangkaian kalimah syahadah sebagai hiasan utama Seni bina
- F17 Bentuk bangunan masjid/ kubah/ mimbar/ mihrab dan menara azan

(d) Berdasarkan pengetahuan sejarah anda, apakah pengaruh Islam dalam kegiatan ekonomi Malaysia pada hari ini?

- i. _____
- ii. _____
- iii. _____

[3 markah]

- F1 Bailulmal di perkenalkan
- F2 Berfungsi sebagai perbendaharaan negara
- F3 Hasilnya diperoleh daripada zakat dan sedekah
- F4 Menggalakkan umatnya rajin bekerja
- F5 Mencari rezeki yang halal
- F6 Melarang perbuatan mengemis atau meminta-minta
- F7 Menggalakkan aktiviti berdagang/berniaga
- F8 Menerapkan unsur halal dalam perniagaan
- F9 Melarang amalan riba
- F10 Melarang penipuan
- F11 Melarang penindasan
- F12 Berjimat-cermat
- F13 Berusaha bersungguh-sungguh
- F14 Menggalakkan zakat dan sedekah

SOALAN 2 MRSM 2014

Kedatangan Islam telah mempengaruhi sistem politik, ekonomi dan sosial di Tanah Melayu.

(a) Terangkan perubahan yang berlaku dalam sistem pemerintahan beraja selepas kedatangan Islam.

[6 markah]

- F1 Menitikberatkan konsep-konsep Islam
- H1a Istilah bagi Sultan
- C1a Zilullah fil-alam/Zilullah fil-ardh
- F2 Bermaksud bayangan Allah di muka bumi
- H2a Menjadi teras institusi raja
- H2b Memberikan suatu pengesahan berdasarkan Islam terhadap kewibawaan seseorang raja
- F3 Gelaran Khalifatul Mukminin
- H3a Bermaksud pemimpin orang mukmin
- C3a Gelaran ini digunakan oleh Sultan Mahmud Shah di Melaka/Sultan Abdul Ghaffur Muhyidin di Pahang
- F4 Menggalurkan nasab keturunan kepada tokoh Islam
- H4a Bertujuan untuk meninggikan kedudukan raja/pemerintah
- C4a Contohnya, nasab keturunan Iskandar Zulkanain
- F5 Institusi kekal berdasarkan pewarisan

- H5a Meletakkan raja atau sultan sebagai kuasa tertinggi dalam sistem pemerintahan dan pentadbiran
- F6 Terdapat tiga lapisan asas dalam pemerintahan dan pentadbiran
- H6a Pemerintahan pusat, daerah dan kampung
- F7 Mempunyai hubungan yang erat dengan ulama
- H7a Golongan pemerintah mendapat nasihat serta pandangan golongan ulama
- C7a Seperti makhdum Sayid Abdul Aziz, Maulana Abu Bakar, Maulana Sadar Jahan dan lain-lain
- F8 Kemunculan ulama terbilang di Tanah Melayu
- C8a Seperti Tuk Pulau Manis, Tuk Pulau Condong dan Tuan Tabal
- F9 Pengukuhan konsep daulat
- H9a Pengikat golongan rakyat dan pemerintah
- H9b Tidak wujud secara bertulis
- H9c Dipegang sebagai sesuatu yang dipercayai kebenarannya
- H9d Mengangkat kedudukan seseorang raja/Sultan ke tahap yang begitu tinggi dan menimbulkan penghormatan rakyat terhadap institusi tersebut
- H9e Sesiapa yang melanggar perintah raja akan menerima akibat (tulah)
- C9a Contohnya, cara berpakaian, bahasa dan pengucapan, langkah laku

(b)(i) Jelaskan pengaruh Islam dalam aktiviti perdagangan pada zaman Kesultanan Melayu Melaka.

[4 markah]

- F1 Sejak abad ke-12 hingga ke-18, aktiviti perdagangan di Lautan Hindi dan Laut China Selatan didominasi oleh pedagang Islam
- F2 Undang-Undang laut Melaka telah digubal dan menjadi landasan yang harus diikuti oleh masyarakat, terutama dalam hal ehwal berkaitan tugas nakhoda, jurumudi dan lain-lain
- F3 Terdapat 84 bahasa yang dipertuturkan
- F4 Satu sistem sukat dan timbangan telah diperkenalkan
- F5 Diletakkan di bawah tanggungjawab Syahbandar
- F6 Peratusan timbang dan sukat di Melaka menggunakan timbang dan kati
- F7 Terdapat juga timbangan seperti bahara yang menggunakan pedang
- F8 Penggunaan matawang dalam aktiviti perdagangan dan jual beli
- F9 Pedagang yang berniaga diwajibkan membayar cukai
- F10 Terdapat cukai tetap dan cukai diraja
- F11 Amalan riba tidak dibenarkan
- F12 Golongan kaya membayar zakat
- F13 Baitulmal berfungsi untuk menyelenggara harta kerajaan

(ii) Nyatakan peraturan cukai yang diamalkan oleh kerajaan Melayu Melaka.

[4 markah]

- F1 Cukai merupakan bayaran yang dikenakan oleh pihak kerajaan terhadap aktiviti dan barang tertentu
- F2 Cukai yang diterima akan menjadi pendapatan kerajaan
- F3 Disalurkan kembali untuk pembangunan negara
- F4 Di Melaka, peniaga diwajibkan membayar cukai terhadap barang dagangan mereka sebelum urusan perniagaan dilakukan
- F5 Terdapat cukai tetap/cukai import
- F6 Para pedagang yang datang dari India, Ceylon, Tanah Arab, Siam dan Pegu dikenakan cukai sebanyak enam peratus daripada jumlah barangan yang dibawa
- F7 Pedagang dari Jepun dan China pula dikehendaki membayar cukai sebanyak lima peratus
- F8 Terdapat barang tertentu yang tidak dikenakan cukai seperti beras dan makanan
- F9 Setelah semua cukai dibayar, barulah urusan jual beli dapat dilakukan di bazar-bazar yang disediakan di sepanjang Sungai Melaka
- F10 Orang asing yang menetap di Melaka juga dikenakan cukai
- F11 Orang asing yang datang dari Kepulauan Melayu juga dikenakan cukai diraja sebanyak tiga peratus
- F12 Orang asing lain pula dikenakan cukai diraja sebanyak enam peratus

(c) Berdasarkan pemerhatian anda, bagaimanakah nilai-nilai Islam dapat mewujudkan kehidupan harmoni masyarakat pelbagai kaum di Malaysia?

[6 markah]

- H1 Bertolak ansur dapat mewujudkan perpaduan
- H2 Ketaatan/patuh kepada pemimpin mewujudkan kestabilan dalam pemerintahan/pentadbiran
- H3 Kesederhanaan dapat mewujudkan keharmonian dalam masyarakat
- H4 Menghormati/menziarahi dapat mewujudkan semangat persaudaraan
- H5 Kasih sayang dapat mewujudkan perpaduan dalam anggota keluarga/masyarakat
- H6 Mementingkan masa dapat mewujudkan masyarakat yang berdaya maju
- H7 Rajin bekerja memacu ekonomi dan memakmurkan Negara
- H8 Keadilan dapat mewujudkan keamanan dan mengelakkan kekacauan

SOALAN 3 MRSM 2015

Kedatangan Islam mempengaruhi perkembangan ekonomi di Tanah Melayu sebelum penjajahan Barat.

(a) Jelaskan faktor kemunculan Melaka sebagai pusat perdagangan antarabangsa menjelang abad ke-15?

[6 markah]

- F1 Kedudukan strategik di antara laluan perdagangan Timur dan Barat/China dan India/ Selat Melaka/terlindung daripada angin monsun/laut dalam
- F2 Peranan Melaka sebagai pelabuhan entreport menarik minat pedagang
- F3 Peranan Melaka sebagai pusat penyebaran Islam/ intelektual menggalakkan kedatangan pedagang/pendakwah Islam
- F4 Peranan pemerintah/Sistem Pembesar Empat Lipatan/sistem pentadbiran yang licin/ teratur/seragam
- F5 Peranan Laksamana menjaga urusan kelautan/pelabuhan
- F6 Peranan orang laut menjaga keselamatan perairan Melaka/setia kepada pemerintah/mahir selok-belok kelautan
- F7 Peranan Syahbandar menjadi ketua pelabuhan
- F8 Kejujuran/kebijaksanaan/sifat amanah Syahbandar menarik minat ramai pedagang
- F9 Undang-undang Laut Melaka digubal untuk melicinkan urusan perdagangan
- F10 Kecekapan nakhoda/jurumudi melicinkan urusan keluar masuk kapal secara sistematik
- F11 Peranan Bahasa Melayu sebagai lingua franca/bahasa komunikasi untuk memudahkan urusan perdagangan
- F12 Mempunyai sistem timbang/sukat yang adil
- F13 Menggunakan sistem tahil/kati untuk menimbang emas/perak/bahan wangian/batu permata
- F14 Sistem bahara menggunakan dachim (dacing) untuk menimbang rempah ratus seperti lada/tuah pala/bunga cengkih/bunga lawang
- F15 Menggunakan dua kaedah perdagangan iaitu pertukaran barang dan kaedah jual beli menggunakan mata wang
- F16 Sistem cukai yang berpatutan menarik minat pedagang
- F17 Kemudahan di pelabuhan/membaiki kapal/bekalan makanan/air bersih/gudang/tempat tinggal

(a) (i) Terangkan ciri-ciri Islam yang terdapat pada mata wang di negeri-negeri Melayu.

[2 markah]

- F1 Terdapat nama sultan yang memerintah
- Clal Malik/Sultan al-Adil
- F2 Tercatat pangkat sultan yang memerintah
- F3 Tarikh Islam dicatat
- F4 Terdapat tuhsan jawi/Arab

- F5 Di belakang mata wang tertulis gelaran Islam
- H5a Tertulis Khalifatul Muslimin

(ii) Kejatuhan nilai ringgit telah memberi kesan kepada kestabilan ekonomi Malaysia.
Berikan cadangan anda untuk mengatasi keadaan tersebut.

[4 markah]

- H1 Membeli barang buatan Malaysia
- H2 Mengurangkan import negara dengan meningkatkan eksport negara
- H3 Mengamalkan sikap berjimat cermat
- H4 Membanteras gejala rasuah/penyelewengan secara kolektif
- H5 Mengurangkan pergantungan kepada pinjaman luar
- H6 Menarik ramai pelabur dalam kalangan negara Islam/negara luar
- H7 Mengelakkan pengaliran mata wang keluar
- H8 Menggalakkan rakyat tempatan melancong dalam negara
- H9 Menggalakkan kemasukan pelancong asing
- H10 Menjana pendapatan negara melalui pengambilan pelajar-pelajar luar ke institusi pengajian tinggi (IPT) dalam negara
- H11 Menggalakkan sikap menabung/simpanan wang tetap/membeli saham
- H12 Menggunakan dinar emas/mata wang berasaskan emas
- H13 Mempelbagaikan produk tempatan
- H14 Menstrukturkan semula sektor kewangan/penggabungan institusi kewangan
- H15 Membanteras golongan pendatang tanpa izin
- H16 Melaksanakan kawalan tukaran mata wang terpilih

(b) (i) Jelaskan sistem percukaian yang dilaksanakan pada zaman Kesultanan Melayu Melaka.

[4 markah]

- F1 Bayaran yang dikenakan oleh pihak pemerintah terhadap aktiviti tertentu/barangan tertentu.
- F2 Menjadi sebahagian daripada sumber pendapatan kerajaan
- F3 Disalurkan kembali untuk pembangunan negara
- F4 Terdapat cukai tetap/cukai import
- F5 Merupakan cukai paling asas yang dikenakan ke atas pedagang yang datang ke Melaka
- F6 Jumlahnya ditetapkan oleh pemerintah
- F7 Pedagang India/Ceylon/Tanah Arab/Siam/Pegu dikenakan cukai enam peratus daripada nilai barangan yang dibawa
- F8 Pedagang dari China/Jepun dikenakan cukai sebanyak lima peratus
- F9 Beras/makanan tidak dikenakan cukai
- F10 Urusan jual beli dapat dilakukan setelah semua cukai dibayar
- 11 Cukai diraja dikenakan ke atas orang asing yang menetap di Melaka
- F12 Pedagang dari Kepulauan Melayu dikenakan cukai sebanyak tiga peratus

F13 Cukai sebanyak enam peratus dikenakan kepada pedagang dari tempat lain

(ii) Cukai merupakan salah satu sumber pendapatan untuk membangunkan Negara. Buktikan.


[4 markah]

- H1 Digunakan untuk menaik taraf sistem pengangkutan/perhubungan/jalanraya/kereta api/kapal terbang
- H2 Dapat melengkapkan infrastruktur pendidikan/sekolah/universiti
- H3 Digunakan sebagai perbelanjaan mentadbir/mengurus
- H4 Membina kemudahan awam/pasar/dewan orang ramai
- H5 Menyediakan prasarana sukan/stadium/padang/litar perlumbaan
- H6 Meningkatkan keselamatan/ pertahanan negara
- H7 Memberi gaji/bonus kepada kakitangan awam
- H8 Memberi Bantuan Rakyat 1 Malaysia (BR1M)/banjir
- H9 Digunakan untuk membayar hutang negara
- H10 Dapat digunakan sebagai modal pelaburan
- H11 Memberi peruntukan belanjawan kepada badan kerajaan/badan berkanun

TINGKATAN 4 -- BAB 9 : PERKEMBANGAN DI EROPAH

SOALAN 1 MRSM 2014

Rajah berikut berkaitan perubahan masyarakat dan budaya di Eropah.



(a) Jelaskan mengenai Zaman Gelap.

[4 markah]

- F1 Kemerosotan dalam ilmu pengetahuan
- F2 Kemerosotan dalam perdagangan
- F3 Kemerosotan dalam kehidupan perbandaran
- F4 Tidak terdapat pentadbiran pusat yang berkesan
- F5 Zaman mundur
- F6 Merupakan peringkat awal Zaman Pertengahan
- F7 Kemunculan golongan baron/tuan tanah
- F8 Golongan peiani terpaksa mendapat perlindungan daripada tuan tanah
- F9 Petani terpaksa membayar cukai yang tinggi kepada pihak tuan tanah
- F10 Terdapat petani yang menyerahkan tanah mereka kepada baron
- F11 Petani terpaksa menjadi hamba

- F12 Tuan tanah/baron pula mendapat perlindungan daripada raja
- F13 Golongan tuan tanah/baron dikehendaki memberikan khidmat atau membayar cukai kepada raja
- F14 Kegiatan ekonomi yang terhad
- F15 Gereja yang mengongkong masyarakat

(b)(ii) Mengapakah berlaku penentangan masyarakat Eropah terhadap institusi Gereja Katolik sehingga membawa kepada gerakan *Reformation*?

[4 markah]

- F1 Bermula apabila pihak gereja meningkatkan usaha pembangunan keduniaan untuk menjadikan Rom sebagai pusat kekuasaan yang terkuat di bahagian tengah Itali
- F2 Berlaku kepincangan, rasuah dan penyelewengan
- F3 Cara hidup yang menjadi amalan golongan penguasa gereja
- F4 Khatolik tidak selari dengan apa yang dianjurkan dalam kitab Bible
- F5 Gaya hidup penguasa gereja dikatakan lebih cenderung mengamalkan gaya hidup para pemerintah dan bangsawan
- F6 Gaya hidup mereka tidak mencerminkan kehidupan keagamaan
- F7 Terdapat unsur penyelewengan yang tidak disenangi oleh banyak pihak
- F8 Berlaku penjualan sijil indulgences, iaitu surai pengampunan dosa
- F9 Kemunculan tokoh-tokoh Reformation seperti Martin Luther, John Calvin dan Zwingli

(c)(ii) Bagimanakah Malaysia yang terdiri daripada pelbagai kaum dan penganut pelbagai agama mampu mewujudkan masyarakat yang bersatu padu?

[4 markah]

- H1 Tidak menimbulkan isu sensitif yang boleh menggugat perpaduan
- H2 Menghormati budaya/adat/bahasa kaum-kaum lain
- H3 Mewujudkan dan memperkasakan sekolah Wawasan/sekolah berbilang bangsa
- H4 Bekerjasama/gotong-royong tanpa mengira kaum
- H5 Mengurangkan perasaan perkauman dalam diri masing-masing
- H6 Menghormati dan memahami kontrak sosial sebelum merdeka

SOALAN 2 **MRSM 2016**

Zaman Renaissance berkembang sekitar abad ke-14 sehingga abad ke-17 di Eropah.

(a) (i) Rakyat Malaysia wajar mencontohi kegemilangan zaman Renaissance di Eropah. Berikan ulasan anda.

[6 markah]

Contoh:

Rakyat Malaysia wajar mencontohi zaman Renaissance di Eropah kerana melahirkan masyarakat berwawasan dan berfikiran kreatif.

Dengan ini dapat mewujudkan masyarakat yang maju berdaya saing

Selain itu dapat melahirkan masyarakat yang mempunyai ilmu pengetahuan dalam bidang sains dan teknologi seperti usaha pembangunan Wilayah Iskandar Malaysia / Legoland di Johor Bahru/Bandar Putrajaya

TINGKATAN 4 -- BAB 10 DASAR BRITISH DAN KESANNYA TERHADAP EKONOMI NEGARA

SOALAN 1 **MRSM 2013**

Pernyataan berikut menunjukkan kesan dasar ekonomi British di Tanah Melayu sehingga pertengahan abad ke-20.

(a) Jelaskan sejarah perkembangan institusi berikut:

- (i) Bank [4 markah]
(ii) Insurans [4 markah]

(i) Bank

- F1 Institusi bank diperkenalkan bertujuan untuk mempercepat dan melicinkan lagi urusan kewangan
F2 Institusi ini menyediakan kemudahan pinjaman kepada pelabur
H2a Dikenakan faedah yang tinggi
F3 Kesannya ialah memesatkan lagi perkembangan industri getah dan bijih timah di Tanah Melayu
F4 Melalui institusi ini juga dana dari luar negara dapat disalurkan terus ke Tanah Melayu dengan lebih mudah dan cepat
F5 Bank juga bertindak sebagai ejen pembayar kepada pengeksport dan pengimport
F6 Bank pertama yang ditubuhkan di Tanah Melayu ialah Mercantile Bank (1859)
F7 Selepas Perjanjian Pangkor (20 Januari 1874), lebih banyak bank Eropah membuka cawangannya di Tanah Melayu
C7a The Chartered Bank (1875), Hong Kong and Shanghai Bank (1894) dan Algemene Bank Nederland (1899)
F8 Perkhidmatan bank luar ini lebih tertumpu kepada pedagang Eropah
F9 Pedagang tempatan boleh berurusan dengan bank ini hanya melalui komprador
H9a Komprador ialah orang tengah yang diberi kepercayaan oleh bank bagi menjadi penaja kepada peminjam
F10 Penubuhan bank tempatan hanya bermula pada awal abad ke-20
C10a Kwong Yik Bank (1913) di Kuala Lumpur/Bank of Malaya (1920) di Ipoh/Ban Hin Lee Bank (1935) di Pulau Pinang
F11 Bank juga ditubuhkan di Sarawak
C11a Kwong Lee Bank (1905/Sarawak Chinese Banking Corporation Limited (1924)/dan Ban Chiang Bank
F12 Bank orang Melayu pertama ditubuhkan pada tahun 1947 di Kuala Lumpur, iaitu Malay National Banking Corporation Bhd.

H12a Cawangannya turut ditubuhkan di Temerloh dan Rembau

H12b Walau bagaimanapun, ia tidak dapat bertahan lama

(ii) Insurans

F1 Perkhidmatan insurans diperkenalkan ekoran perkembangan ekonomi dalam perdagangan

F2 Terdapat beberapa jenis insurans yang diperkenalkan

C2a Maritim/kebakaran/harta/perniagaan/kemalangan/nyawa

F3 Insurans maritim bertujuan untuk melindungi dagangan dan kapal pedagang

H3a Sistem pengangkutan laut merupakan sistem pengangkutan utama

F4 Insurans kebakaran penting kerana kebakaran yang memusnahkan harta benda sering berlaku

C4a Conto hpada tahun 1881, berlaku kebakaran yang memusnahkan hampir keseluruhan bandar Kuala Lumpur

C4b Pada tahun 1892 pula berlaku kebakaran di Ipoh dan memusnahkan 100 buah kedai

F5 Pada peringkat awal syarikat insurans yang ada di Tanah Melayu merupakan cawangan atau wakil syarikat insurans asing yang beribu pejabat di luar negara

C5a Boustead and Company ditubuhkan di Pulau Pinang yang mewakili Syarikat Royal Insurance Company dan England

F6 Hanya pada akhir abad ke 19, barulah ditubuhkan beberapa syarikat insurans tempatan

C6a Straits Insurance Limited/Khean Guan Insurance Limited berpusat di Pulau Pinang dan Singapura

F7 Pada tahun 1917, kerajaan British telah mengemaskini undang-undang perkhidmatan insurans

H7a Melalui perubahan ini, insurans nyawa diasingkan daripada insurans kebakaran

F8 Pada tahun 1948 enakmen-enakmen ini digantikan dengan Ordinan Syarikat Insurans kebakaran dan Ordinan Syarikat Insurans Nyawa

(b) Terangkan langkah-langkah yang diambil oleh British untuk meningkatkan perkhidmatan kesihatan di Tanah Melayu.

[8 markah]

F1 Penduduk bandar dan luar bandar terdedah kepada wabak penyakit yang boleh membawa maut

C1a Malaria, taun, disenteri, beri-beri, batuk kering dan demam campak

F2 Wabak penyakit ini mudah berjangkit kerana keadaan tempat tinggal yang kotor

F3 Mendirikan hospital di bandar

F4 Pusat perubatan kecil di luar bandar

C4a Hospital kerajaan pertama didirikan di Taiping dan Kuala Lumpur pada 1878

C4b Pusat Perubatan Kecil didirikan di Tanjung Malim, Batu Gajah, Gopeng, Kerian dan Kuala Kangsar selepas tahun 1884

- F5 Menubuhkan klinik bergerak
- H5a Khasnya di kawasan pedalaman Perak dan di sepanjang sungai utara Pahang
- F6 Mendirikan beberapa buah hospital swasta
- H6a Hasil derma daripada orang perseorangan dan cukai khas
- C6a Hospital Tung Shin di Kuala Lumpur
- F7 Mendirikan Insititut Penyelidikan Perubatan pada 1900
- H7a Peranannya ialah mengkaji punca penyakit berjangkit dan mencadangkan langkah pencegahan
- F8 Menubuhkan Sanitary Board pada tahun 1890-an
- H8a Tugasnya ialah menjaga kebersihan dan kesihatan awam
- H8b Ditubuhkan di Kuala Lumpur, Kuala Kubu dan Klang
- H8c Diuruskan oleh Lembaga yang terdiri daripada wakil orang Melayu, Cina, India dan British
- H8d Kos pengurusannya dibiayai daripada cukai yang dikenakan ke atas penduduk
- H8e Mempunyai bidang kuasa yang luas
- C8e Menjaga kebersihan/jalan raya/bekalan air/pengawalan pasar/rumah penyembelihan/ rumah mandi awam/pengutipan sampah dan najis
- F9 Menubuhkan Jabatan Kesihatan pada tahun 1911
- H9a Tugasnya ialah untuk menjaga kesihatan di kawasan bandar dan luar bandar
- H9b Mengambil alih peranan Sanitary Board
- H9c Penubuhan Sanitary Board masih memainkan peranan menjaga kebersihan di bandar dan perkhidmatan-perkhidmatan lain selepas Perang Dunia Kedua

(a) Sebagai generasi muda, cadangkan langkah-langkah untuk meningkatkan tahap kesihatan rakyat Malaysia.

[4 markah]

- H1 Mengamalkan cara pemakanan yang seimbang/sihat
- H2 Mengamalkan gaya hidup yang sihat/bersenam
- H3 Membuat pemeriksaan kesihatan secara berkala
- H4 Mengelakkan stres/tekanan perasaan
- H5 Mengelakkan diri daripada mengambil bahan terlarang seperti dadah/merokok/minuman keras/menghidu gam
- H6 Mengelakkan diri daripada pergaulan bebas
- H7 Meningkatkan amalan kerohanian
- H8 Memperbanyakkan Klinik 1 Malaysia
- H9 Menambahkan pusat-pusat rekreasi/riadah
- H10 Mengadakan kempen kesedaran kesihatan

SOALAN 2 MRSM 2015

Dasar British telah membawa kepada perkembangan pembandaran dan sistem pengangkutan di Tanah Melayu pada awal ke-20.

(a) Terangkan faktor kemunculan bandar-bandar baharu.

[4 markah]

- F1 Perkembangan aktiviti perlombongan bijih timah
- Cl_a Mewujudkan bandar Kuala Lumpur/Taiping/Seremban
- F2 Kepsatan bandar sebagai pusat perniagaan
- H2_a Dilengkapi pelbagai kemudahan infrastruktur
- F3 Pemilihan bandar sebagai pusat pentadbiran
- C3_a Kuala Lumpur/Johor Bharu/Ipoh
- F4 Wujudnya bandar pelabuhan
- C4_a Pelabuhan Klang/Pulau Pinang/Melaka
- F5 Peningkatan populasi/penduduk
- F6 Perkembangan jaringan jalan raya dan kereta api
- F7 Kedudukan bandar yang strategik
- F8 Perkembangan institusi kewangan/perbankan

(b) Bincangkan kepentingan sistem pengangkutan di Tanah Melayu.

[4 markah]

- F1 Jalan keretapi mempercepatkan pengangkutan bijih timah
- F2 Menghubungkan kawasan perlombongan dengan pelabuhan
- H2_a Dari kawasan perlombongan ke pelabuhan untuk di eksport
- C2_a Jalan keretapi pertama dibina dari Taiping dengan Port Weld/Kuala Lumpur dengan Port Swettenham/dari Ipoh dan Tapah Road dengan Teluk Anson.
- F3 Menggalakkan pembukaan tanah-tanah baru di kawasan pedalaman untuk penanaman getah
- F4 Menggalakkan pelaburan Eropah dalam perusahaan getah
- F6 Dapat membawa muatan yang banyak
- F7 Menyumbang kepada kemunculan bandar-bandar baru
- F8 Membawa kepada peningkatan ekonomi penduduk
- F9 Meningkatkan peluang pekerjaan
- F10 Mengalakkan pembukaan pusat-pusat perniagaan baharu
- F11 Pertambahan kenderaan bermotor di jalan raya
- F12 Menghubungkan bandar besar dengan bandar-bandar lain
- C12_a Jalanraya dari Seberang Prai ke Melaka disiapkan/dari Perlis dan Singapura dibina.
- F13 Memudahkan perhubungan antara negeri-negeri Pantai Barat dengan Pantai Timur.
- C9_a Jalanraya antara Kuantan dengan Kuala Lumpur dibuka
- F14 Berlakunya perkembangan dalam teknologi pengangkutan
- CI4_a Perubahan jalan denai kepada jalan tanah merah/jalan berturap/landasan keretaapi

- (a) (i) Sebagai seorang jurutera perancang bandar, bagaimanakah anda merealisasikan sebuah bandar alam mesra dan berteknologi tinggi.

[6 markah]

- F1 Membina bandar pintar yang dilengkapi dengan kemudahan/wifi/CCTV
- F2 Membina bangunan berasaskan teknologi hijau
- F3 Menggunakan teknologi maklumat dan komunikasi yang canggih
- F4 Menyediakan kemudahan untuk OKU
- F5 Membina landskap berkonsepkan bumi hijau
- F6 Menyediakan kemudahan pengangkutan awam yang canggih
- F7 Membina bangunan anti-gegar/kalis bunyi
- F8 Membina sistem mengawal banjir kilat
- F9 Menyediakan infrastruktur yang bersesuaian dengan perkembangan teknologi terkini
- F10 Menyediakan sistem pendidikan yang futuristik
- F11 Menyediakan teknologi insenerator untuk proses pelupusan sampah
- F12 Menggunakan kenderaan mesra alam berteknologi hijau hybrid

- (iii) Berikan cadangan anda untuk meningkatkan kualiti pengangkutan awam di negara kita.

[6 markah]

- F1 Meningkatkan kemudahan mesra pengguna/OKU/ ibu mengandung/warga emas
- F2 Menggalakkan penggunaan kenderaan berasaskan teknologi hybrid
- F3 Memantapkan undang-undang berkaitan Akta Pengangkutan Jalan
- F4 Memperkasa peranan Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD)
- F5 Meningkatkan kualiti perkhidmatan pengangkutan seperti komuter, LRT, monorel dan kereta api
- F6 Meluaskan perkhidmatan pengangkutan komuter, LRT, monorel dan kereta api di bandar-bandar lain
- F7 Membina lebih banyak Terminal Pengangkutan Bersepadu seperti Terminal Bersepadu Selatan (TBS)/KL Sentral
- F8 Menambah bilangan lapangan terbang setaraf dengan KLIA 2
- F9 Membina lapangan terbang bertaraf dunia seperti KLIA/KLIA 2
- F10 Membina rangkaian lebuhraya moden dan berteknologi tinggi
- F11 Memajukan pengangkutan maritim seperti kapal laut, feri dan pelabuhan